JAWATAN	:	**PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**
GRED JAWATAN	:	**N1**
SKIM PERKHIDMATAN	:	**PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
TARAF JAWATAN	:	**TETAP / KONTRAK**
LOKASI	:	**KUALA LUMPUR**
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	**RM1,500.00 – RM4,680.00 PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024**
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	**RM100.00**
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	:	**RM115.00 SEBULAN**
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	:	**RM300.00 SEBULAN**
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	:	**RM350.00 SEBULAN**

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

   (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau

   (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau

   (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UNIVERSITI:

Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/ dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.